

# **MINGGU UniMAP DEKAT DI HATI**

**Oleh: Nor Innar Md. Nor  
Pegawai Tadbir**

Bemula dari 7 hingga 16 Mac 2007, UniMAP telah menganjurkan 'Minggu UniMAP Dekat Di Hati'. Pelbagai aktiviti menarik telah disediakan sepanjang minggu tersebut untuk membantu individu-individu lepasan Sijil Pelajaran Malaysia memohon tempat untuk mereka melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi awam. Antaranya ialah Kiosk UniMAP di ruang legar bangunan KWSP, ceramah serta taklimat cara-cara mengisi borang UPU secara talian di Dewan Capitol dan pengedaran flyers di tempat-tempat awam serta menerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung sekitar Perlis. Program serampang dua mata ini juga dilihat sebagai landasan untuk mengenengahkan rancangan-rancangan kejuruteraan yang ditawarkan UniMAP kepada golongan sasarnya.

PPKAS dan PPK Bioproses terlibat dalam penganjuran dua sesi ceramah promosi di Dewan Capitol, Kangar. Wargakerja PPKAS telah turun padang menghulurkan sokongan dengan membantu dalam menyediakan khidmat bimbingan cara-cara mengisi borang UPU kepada individu-individu lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dan ibubapa. Perkhidmatan internet secara percuma turut disediakan bagi permohonan UPU secara talian. Adalah diharapkan melalui kegiatan promosi secara intensif ini dapat menarik minat anak-anak tempatan Perlis untuk memilih UniMAP sebagai destinasi mereka untuk melanjutkan pelajaran.